



Sambutan meriah untuk Perdana Menteri

BERFULUH-puluh jambak pulut junjung dibawa oleh penduduk Mukim Kek Lanas, dekat Kota Bharu sewaktu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan masjid baru mukim tersebut kelmarin.

Pulut-pulut junjung itu diberikan kepada pemimpin-pemimpin sebagai tanda menghormati kunjungannya ke kampung mereka.

Ketika berucap di perasmian masjid itu, Perdana Menteri berkata, golongan bukan Islam di negara ini terbahagi kepada dua iaitu mereka yang mahu berbuat baik dengan umat Islam dan mereka yang bermusuhan dengan Islam.

Beliau menambah, Kerajaan Barisan Nasional mengutamakan persaudaraan dalam Islam, bukan sahaja di dalam negeri malahan di seluruh dunia. — Gambar Berita Harian.